



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

حَبَابُ خَيْرِ خَيْرِ الْجَوَالِ كَامِ اسْتِوَامِ كِتَابِهِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

13 JAMADILAKHIR 1444H / 06 JANUARI 2023M

ZIKIRULLAH WASILAH RAIH KEAMPUNAN, PAHALA DAN KETENANGAN

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 03. 01. 2023

PEGAWAI PENYEMAK : m. ?

MOHD ZARATKHAN ABD RAHMAN

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 04/01/2023

DIBACA PADA : 06/01/2023

DILULUSKAN OLEH :

BAHARUDIN HJ. ALWI

Ketua Pengarah Pengarah

Bahagian Penyelidikan & Informasi

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA
ZIKIRULLAH WASILAH RAIH KEAMPUNAN, PAHALA DAN KETENANGAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

وَأَذْكَرِ اسْمَ رَبِّكَ وَتَبَتَّلْ إِلَيْهِ تَبْتِيلاً^ط (سورة المزمل (٧٣) : ٨)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ

صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ
تُقْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT!

Dalam kita melangkah ke tahun baharu 2023 Masihi, mimbar ini berwasiat kepada diri sendiri dan sidang hadirin yang mulia untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan mentaati segala perintah Allah dan menjauhi segala yang ditegah-Nya. Sesungguhnya, balasan hari akhirat ialah sebaik-baik negeri bagi orang-orang yang bertakwa dan beramal soleh. Tajuk khutbah pada hari ini ialah **“ZIKRULLAH WASILAH RAIH KEAMPUNAN, PAHALA DAN KETENANGAN”**.

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA!

Perbuatan kufur terhadap perintah dan nikmat Allah adalah disebabkan oleh kendurnya talian rohaniah antara manusia dan Sang Pencipta. Malah faktor ini juga yang menyebabkan berlakunya kelalaian berpanjangan serta penyelewengan terhadap syariat Allah SWT.

Sebab itu, Allah SWT menganjurkan kita supaya sentiasa mengingati-Nya dalam semua keadaan agar tidak terputus hubungan dengan Maha Pencipta. Ini sebagaimana Firman-Nya dalam surah al-Ahzab ayat 41-42:--

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا (٤١) وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا (٤٢)

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya; Dan bertasbihlah kamu kepada-Nya pada waktu pagi dan petang.”*

Berdasarkan kepada nas al-Quran berkenaan, zikrullah bermaksud mengingati Allah. Ia meliputi berzikir melalui hati, lidah dan seluruh anggota badan. Berzikir adalah amalan terpuji dan besar fadilatnya sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Musa RA(hu) yang bermaksud:-

“Perumpamaan orang yang berzikir kepada Allah dan orang yang tidak berzikir kepada Allah seperti orang yang hidup dan mati.” [Riwayat al-Bukhari (6407)]

PARA JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT!

Amalan berzikir boleh dilakukan pada setiap masa danketika. Antara contoh zikir yang mudah disebut serta difahami ialah *Subhanallah* (Maha Suci Allah), *Alhamdulillah* (Segala Pujian Bagi Allah) dan *Allahu Akbar* (Allah Yang Maha Besar).

Namun demikian, zikir itu luas skopnya kerana mengerjakan sesuatu ketaatan kepada Allah juga dianggap sebagai zikir. Majlis yang membincangkan atau memperkatakan soal

agama, halal haram, menceritakan kebesaran dan kehebatan Allah juga dianggap majlis zikir.

Pendek kata, apa jua ucapan, perbuatan atau majlis yang bermatlamat mengingati Allah, adalah zikir. Allah sangat menyukai orang yang lidahnya sentiasa basah dengan zikrullah lantas menjanjikan keampunan dan ganjaran pahala kepada orang yang berzikir sebagaimana firman-Nya di dalam surah al-Ahzab ayat 35:--

...وَالْحَافِظِينَ فُرُوجَهُمْ وَالْحَافِظَاتِ وَالذَّاكِرِينَ اللَّهَ كَثِيرًا وَالذَّاكِرَاتِ أَعَدَّ اللَّهُ لَهُم

مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا (٣٥)

Maksudnya: "...dan orang-orang lelaki yang menyebut nama Allah banyak-banyak serta orang-orang perempuan yang menyebut nama Allah banyak-banyak, Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar."

HADIRIN JEMAAH YANG MULIA!

Zikir yang meresap ke dalam hati ialah zikir yang dilakukan dengan tertib, difahami dan dihayati maksudnya. Maka, sebaiknya perkara-perkara berikut diberikan perhatian Ketika mahu berzikir.

- **Pertama**, berzikir dilakukan dengan lidah atau hati tetapi lebih afdal lagi jika dilakukan serentak oleh hati dan lidah.
- **Kedua**, memahami apa yang diucapkan Ketika berzikir bertujuan membangkit kesedaran dalam hati sekali gus mengakui kebesaran Ilahi.
- **Ketiga**, pastikan diri bersih dan bebas daripada kekotoran hadas serta najis sebelum melakukan zikir.

- **Keempat**, berzikir di tempat yang bersih yang bebas daripada kekotoran seperti masjid, surau dan sebagainya.
- **Kelima**, berzikir dengan penuh perhatian terhadap apa yang dilafazkan.
- **Keenam**, berzikir dengan sederhana iaitu tidak terlalu perlahan dan tidak terlalu cepat.
- **Ketujuh**, menghadap ke kiblat, menundukkan kepala dan semua anggota dalam keadaan tenang dan khusyuk sewaktu berzikir.

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH!

Kesimpulannya, berzikir sewajarnya menjadi amalan rutin dalam kehidupan harian Muslim sebagai upaya mengukuhkan lagi hubungan dengan Allah SWT. Sehubungan itu, dengan ketibaan tahun baru ini mimbar mengajak agar hadirin sekalian untuk berazam melazimi amalan berzikir setiap masa supaya Allah sentiasa ingat kepada kita pada setiap masa justeru, beroleh ketenteraman dan ketenangan jiwa sejajar dengan firman Allah SWT dalam surah ar-Ra'd ayat 28:--

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ (٢٨)

Maksudnya: "(Iaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingati Allah hati menjadi tenteram.

بَارِكِ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ
مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنِ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ
الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ
الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَقْرَتَوَانِ

اٰخُوغُ وَفَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْاَعْلٰى تَوَانِ يَغُ تَرَاوَتَامِ يَغُ دَقْرَتُوَا نَكْرِي سَابِهٖ . وَاجْعَلِ اللّٰهُمَّ
هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ اَمْنَةً مُّطْمَئِنَّةً ، اِنَّكَ رَعُوْفٌ رَّحِيْمٌ .

اللّٰهُمَّ اِدْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَّنَ ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً ، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِيْنَ عَامَّةً ، اِنَّكَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْاٰخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .

عِبَادَ اللّٰهِ ،

اِنَّ اللّٰهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ وَاِيتَايَ ذِي الْقُرْبٰى وَيَنْهٰى عَنِ الْفَحْشَاۗءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ

فَاذْكُرُوْا اللّٰهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ ، وَاَشْكُرُوْهُ عَلٰى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ ، وَاَسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللّٰهِ اَكْبَرُ ، وَاللّٰهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ .

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am, JHEAINS
Tel: 088-522127/ jheains.penerbitan@gmail.com